

UCAPAN OLEH YAB DATUK HUSSEIN ONN
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
KETIKA MERASMIKAN PEMBUKAAN PESTA
FILEM ASEAN YANG KETIKA DI HOTEL
HILTON, KUALA LUMPUR PADA 7HB
NOVEMBER, 1973 JAM 7.00 MALAM

Ucapan : A040
485
904/80
484-103/90

Tuan Pengerusi,
Jawatankuasa Kebangsaan Sebaran Am ASEAN, Malaysia

Setiausaha Agung,
Sekretariat Kebangsaan ASEAN,

Tuan-tuan Yang Terutama,

Para Perwakilan,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya amat sukacita kerana diberi penghormatan merasmikan Pesta Filem ASEAN Yang Ketiga iaitu yang pertama kali berlangsung di Ibu Negara Malaysia ini. Pesta Filem ini merupakan salah satu aktiviti ASEAN yang melambangkan perpaduan dan hasrat negara-negara anggota berkerjasama menuju ke arah persefahaman dan kemakmuran bagi rantau ini.

2. Malaysia amat bergembira kerana mendapat peluang pada kali ini untuk menjadi tuan rumah dan bagi pihak Kerajaan Malaysia, saya mengalu-alukan perwakilan dari negara-negara ASEAN dan para jemputan lain yang hadir dalam Pesta Filem ini.

3. Saya merasa amat gembira kerana berada di sini pada hari ini untuk mengambil bahagian dalam upacara perasmian Pesta Filem yang 'unique' iaitu Pesta Filem ASEAN yang Ketiga. Saya sifatkan Pesta ini 'unique' oleh sebab berbeza dengan Pesta Filem lain yang kita tahu, pesta ini merupakan satu ikatan persahabatan dan bukan satu pertandingan yang hebat. Kita berhimpun di sini bukanlah dengan tujuan menentukan manakah filem yang baik atau siapa penerbit filem yang ulung ataupun siapakah bintang filem yang paling terkemuka dalam kumpulan ASEAN. Sebaliknya menerusi Pesta ini, kita akan dapat mengetahui satu sama lain dengan lebih erat dan untuk mendapat idea tentang apakah yang kita lakukan dalam perusahaan perfileman di negara masing-masing. Kita juga cuba menerusi Pesta seperti ini bertukar-tukar fikiran untuk mencari jalan dan cara yang sebaik-baiknya melancarkan usaha untuk memajukan perusahaan filem yang terbaik di rantau ini.

4. Dalam Pesta Filem ini, kita juga mahu rakyat tahu dan menghargakan filem-filem yang diterbitkan oleh gulungan swasta serta juga Kerajaan dalam negara masing-masing. Filem-filem yang terkemuka ini akan ditayangkan di dua buah panggung yang terkemuka di Kuala Lumpur dan kita berharap rakyat Malaysia akan dapat mengetahui apakah bentuk dan jenis filem-filem yang dikeluarkan oleh negara jiran di samping dapat menikmati mutu filem tersebut dan dengan cara ini akan dapat menimbulkan keinginan untuk filem-filem yang diterbitkan di wilayah ASEAN.

5. Bercakap mengenai keadaan di Malaysia, saya merasa dukacita kerana perkembangan perusahaan filem di negeri ini dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti di Indonesia, Thailand dan Filipina tidaklah sebaik yang kita harapkan menimbang bahawa kita mempunyai potensi dan juga kekayaan bakat-bakat serta bahan-bahan yang boleh kita dapat di negara ini. Memanglah mudah bagi kita bercakap dan menuduh gara-gara penjajahan dulu, kerana telah menghalang perkembangan perusahaan filem dengan tujuan memajukan filem-filem barat. Hal ini memanglah wajar, akan tetapi, pada masa ini kita adalah pemimpin negara dan bertanggungjawab menentukan nasib negara masing-masing dan dengan demikian, patutlah kita berusaha bersungguh-sungguh bagi mengatasi masa yang telah luput itu.

6. Memanglah benar kita mempunyai banyak kesulitan. Kita kekurangan modal, alat-alat kelengkapan yang sophisticated sangat mahal, bahan-bahan filem perusahaan sukar didapati dan pasaran bagi filem juga menghadapi persaingan disebabkan oleh pengaruh-pengaruh yang kuat dari filem-filem Amerika, Hongkong dan Jepun. Saya tidaklah dapat menafikan tentang masalah-masalah yang kita hadapi ini, akan tetapi sekiranya kita berhasrat dan berazam, dengan penuh keyakinan sudah pasti kita akan mendapat penyelesaiannya. Sebagai perbandingan, pertubuhan ASEAN yang menjadi penganjur Pesta ini juga menghadapi kesulitan, tetapi dengan cara beransur-ansur, kita telah dapat menghadapi masalah tersebut. Kita semua sedar bahawa perkembangan ASEAN bukanlah satu hal yang mudah, berbagai-bagai masalah terpaksa diselesaikan dan oleh sebab keikhlasan dan kea aman kita semua, ASEAN telah muncul. Pada masa ini juga masih banyak masalah-masalah yang perlu diselesaikan, akan tetapi kita sebagai negara anggota, berazam kuat supaya masalah-masalah ini tidak akan menghalang perkembangan ASEAN dan dengan itu ASEAN telah dapat berkembang.

Demikianlah cabaran yang saya hadapkan kepada tuan-tuan sekalian iaitu untuk membaiki dan meluaskan perusahaan filem di wilayah ini menerusi usaha bersendirian dan bersama. Hasil-hasil dari kejayaan ini sudah tentu banyak bukan saja kepada tuan-tuan sebagai seorang individu, tetapi juga bagi seluruh rakyat Asia Tenggara.

7. Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, perusahaan filem di Malaysia tidak berkembang sebagaimana yang sewajarnya sungguhpun saya tahu bahawa ada gulungan-gulungan bumiputra di negeri ini yang telah memasuki dunia perfileman di masa yang sengkat. Akan tetapi, aktiviti mereka itu nampaknya ditumpukan kepada pengedaran filem-filem dan mereka sangat-sangat berterimakasih kepada pengeluar-pengeluar filem Indonesia yang banyak sekali mengeluarkan filem. Saya yakin bahawa masanya telah tiba supaya pemikiran yang serious patutlah diberikan oleh mereka-mereka yang terlibat dan menentukan samada wajar bagi kita menumpukan perfileman khusus untuk orang Melayu sahaja sebagaimana halnya di masa lepas ataupun ia boleh disesuaikan dengan masyarakat berbilang bangsa dan dalam lingkungan penghidupan kita pada masa ini. Untuk menentukan supaya perusahaan ini benar-benar berhasil dan dapat diterima mustahaklah ia memberi kepuasan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan dan bukan dituju kepada satu-satu sektor masyarakat saja. Kita telahpun menjalankan siri seperti ini di TV Malaysia dan saya tidak nampak sebab-sebab mengapa kita tidak dapat memulakan perusahaan filem yang bercorak feature. Di samping itu, tidak banyak pertubuhan-pertubuhan yang terlibat dan demikian tidak melibatkan persaingan yang sia-sia ataupun usaha yang bertindih-tindih. Oleh sebab membuat filem ini merupakan satu industry yang memerlukan modal besar, mereka yang terlibat juga patutlah menimbangkan untuk bergabung dalam satu atau dua badan yang besar dan dengan cara ini dapat menentukan kejayaan yang lebeh berkesan.

8. Saya juga suka mengambil peluang ini untuk menyatakan rasa puashati sekurang-kurangnya dalam satu aspek perusahaan filem iaitu filem iklan. Kita telah berjaya mencapai kejayaan dalam pengeluaran filem-filem jenis ini dalam rangka perusahaan tempatan menggunakan ahli-ahli dan teknik Malaysia serta juga pelakon-pelakon dan latarbelakang penghidupan di Malaysia. Sekurang-kurangnya 80% peratus dari filem-filem jenis ini yang ditayangkan di Talivisyen di buat di negeri ini dan saya yakin kejayaan ini adalah disebabkan sebahagian besarnya pada

keazaman dan juga usaha-usaha keras oleh mereka yang bertanggung jawab bagi mengeluarkan filem-filem iklan. Saya menyeru pengeluar-pengeluar filem jenis feature patutlah meniru rakan-rakan mereka dalam dunia perfileman iklan ini.

9. Salah satu dari masaalah yang terbesar dalam negara kita ialah soal pengangguran. Sungguhpun pada hakikatnya benar bahawa orang-orang yang berbakat dan bercorak kreatif sahaja yang boleh berjaya menjadi bintang filem, pengarah, penulis script dan pengeluar, tetapi adalah benar juga bahawa mereka ini telah mencapai peringkat terkemuka menerusi usaha-usaha dan sokongan daripada beratus-ratus orang pelakun tambahan serta juga pekerja lain yang dikehendaki bagi menjayakan satu-satu filem. Yang demikian, tidaklah benar bahawa peluang-peluang pekerjaan hanya terdapat di studio filem sahaja. Di samping peluang-peluang yang dikatakan itu, terdapat pula perkhidmatan-perkhidmatan lain yang mempunyai kaitan dengan filem industri serta juga peluang-peluang bekerja yang boleh didapati tentulah dapat mengurangkan masaalah-masaalah pengangguran yang menjadi kebimbangan besar kepada pemimpin-pemimpin negara di wilayah ini.

10. Melihat agenda Persidangan, dalam tempuh beberapa hari yang akan datang semasa pesta ini dijalankan, tuan-tuan akan mendapat peluang untuk membincangkan beberapa aspek perfileman khususnya yang mengenai rantau ini. Saya mendapati bahawa salah satu topik yang dibincangkan ialah pengeluaran filem secara bersama dan saya berharap dalam masa yang tidak lama lagi kita akan melihat bukan saja filem-filem ASEAN yang ditayangkan dalam negara anggota masing-masing, tetapi juga di panggung-panggung dunia iaitu filem ASEAN yang diusahakan oleh pengeluar-pengeluar ASEAN melambangkan bintang filem ASEAN serta menggambarkan cerita ASEAN. Rantau kita ini merupakan kawasan yang sangat kaya dengan kebudayaan dan juga sejarah. Sejak beberapa kurun yang lalu, rantau ini telah menjadi tempat tumpuan bagi masyarakat dunia, tetapi anihnya dunia mengetahui sedikit saja tentang rantau ini. Selain daripada maklumat yang biasanya terdapat dalam brochure pelancung, tuan-tuanlah sebagai mereka yang berbakat yang sepatutnya diberikan tugas untuk mencorakkan rantau ASEAN yang kayaraya ini dan memberikannya kepada dunia.


11. Inilah cabaran yang saya kemukakan kepada penerbit-penerbit filem dan saya berharap tuan-tuan akan menerima cabaran ini dan menentukan haluan kita terhadap aspek ini. Saya juga berharap dalam masa beberapa hari yang akan datang, semasa tuan-tuan berada di sini wajarlah untuk mengambil kesempatan mengetahui sedikit sebanyak tentang negara ini supaya dalam masa yang akan datang Malaysia akan memanggil tuan-tuan balik datang ke sini.

12. Bagi kami di sini, sangatlah sukacita yang tuan-tuan telah dapat melapangkan masa untuk datang ke sini dan telah membawa bersama-sama filem yang telah dikeluarkan dari negara-negara masing-masing supaya kita dapat mengetahui satu sama lain dengan lebih luas dan jelas. Kita akan berusaha untuk menjadikan masa tuan-tuan tinggal disini merupakan satu tempuh yang bahagia dan gembira bagi pihak Jawatankuasa yang menganjurkan pesta ini saya meminta maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan. Kami juga berharap tuan-tuan akan pulang ke negara masing-masing dengan kenangan dan ingatan bahawa di Malaysia tuan-tuan mempunyai sahabat dan rakan yang menikmati serta menghargai usaha-usaha kreatif yang tuan-tuan telah hasilkan yang kami anggap sebagai satu usaha yang paling berkesan bukan saja bagi negara kita, tetapi juga bagi ASEAN pada keseluruhannya.

13. Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sesuai dengan tugas yang dikehendaki kepada saya, dengan sukacitanya saya mengisytiharkan pembukaan Pesta Filem ASEAN Yang Ketiga dan mendoakan bahawa Tuhan akan memberikan kita Taufik dan Hidayah atas segala usaha dan daya kita.

Terimakasih.



11. Inilah cabaran yang saya kemukakan kepada penerbit-penerbit film dan saya berharap tuan-tuan akan menerima cabaran ini dan menentukan haluan kita terhadap aspek ini. Saya juga berharap dalam masa beberapa hari yang akan datang, semua tuan-tuan berada di sini wajarnya untuk mengambil kesempatan mengetahui sedikit sebanyak tentang negara ini supaya dalam masa yang akan datang Malaysia akan memanggil tuan-tuan balik datang ke sini.

12. Bagi kami di sini, sangatlah sukacita yang tuan-tuan telah dapat meluaskan masa untuk datang ke sini dan telah membawa bersama-sama film yang telah dikeluarkan dari negara-negara masing-masing supaya kita dapat mengetahui satu sama lain dengan lebih luas dan jelas. Kita akan berusaha untuk menjadikan masa tuan-tuan tinggal di sini merupakan satu tempoh yang bahagia dan gemilang bagi pihak Jawatankuasa yang menganjurkan pesta ini saya meminta maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan. Kami juga berharap tuan-tuan akan pulang ke negara masing-masing dengan kenangan dan ingatan bahawa di Malaysia tuan-tuan mempunyai sahabat dan rakan yang menikmati serta menghargai usaha-usaha kreatif yang tuan-tuan telah hasilkan yang kami anggap sebagai satu usaha yang paling berkesan bukan saja bagi negara kita, tetapi juga bagi ASEAN pada keseluruhannya.

13. Tuan-tuan dan tuan-puan,

Semua dengan tugas yang dikehendaki kepada saya dengan sukacitanya saya mengiyatikan penubuhan Pesta Film ASEAN yang ketiga dan memohon bahawa Tuan akan memberikan kita Tarik dan Hibayah atas segala usaha dan daya kita.

Terima kasih.



No Siri	567
No. Penerimaan	204/80

Tuan Pengerusi
Jawatankuasa Kebangsaan Sebaran As
ASEAN, Malaysia,

Setiausaha Agung
Sekretariat Kebangsaan ASEAN,

Tuan-tuan Yang Terutama,

**SPEECH BY THE HON'BLE DATUK HUSSEIN
ONN, DEPUTY PRIME MINISTER OF MALAYSIA
AT THE OPENING OF THE THIRD ASEAN FILM
FESTIVAL AT HILTON HOTEL, KUALA LUMPUR
ON 7TH NOVEMBER, 1973 AT 7.00 P.M.**

yang pertama kali Posta Filem ASEAN pernah
diadakan di Ibu Negara Malaysia ini. Posta
Filem ini merupakan salah satu aktiviti
ASEAN, yang melambangkan perpaduan dan keseti-
negara-negara anggota berkerjasama, menuju

Tuan Pengerusi
Jawatankuasa Kebangsaan Sebaran Am
ASEAN, Malaysia,

Setiausaha Agung
Sekretariat Kebangsaan ASEAN,

Tuan-tuan Yang Terutama,

Para Perwakilan,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

1. Saya mengucapkan berbanyak terima kaseh kerana diberi penghormatan merasmikan Pesta Filem ASEAN Yang Ketiga. Ini ialah yang pertama kali Pesta Filem ASEAN pernah diadakan di Ibu Negara Malaysia ini. Pesta Filem ini merupakan salah satu aktiviti ASEAN, yang melambangkan perpaduan dan hasrat negara-negara anggota berkerjasama, menuju

ke arah persefahaman dan kemakmuran bagi
rantau ini.

2. Malaysia amat bergembira kerana
mendapat peluang pada kali ini, untuk menjadi
tuan rumah, dan bagi pihak Kerajaan Malaysia,
saya mengalu-alukan perwakilan dari negara-
negara ASEAN dan para jemputan lain yang
hadir dalam Pesta Filem ini.

Chairman of the ASEAN National Committee
of Mass Media, Malaysia,

Secretary General
ASEAN National Secretariat,

Excellencies,

Distinguished Delegates,

Ladies and Gentlemen,

3. It gives me great pleasure to be present tonight to open the Third ASEAN Film Festival. This is the first time that the ASEAN Film Festival is held in Malaysia. On behalf of the Government of Malaysia, I extend a very warm welcome to all the representatives of the ASEAN countries and other distinguished guests to the Film Festival.

4. This is a festival of friendship and not that of fierce competition. It's purpose is not to select the best film or the best producer or the most outstanding film star from among the ASEAN countries. It is one of the many activities of the ASEAN countries in their desire to cooperate and understand each other. We hope that through films we can better appreciate and understand our respective way of life, custom, hopes, aspirations and problems.

5. The film industry in Malaysia cannot be said to have been fully developed. There are many reasons for this: shortage of capital, equipment and talent, and the competitiveness

of the market. I am sure that in due course solutions to these problems will be found. One solution may be to cultivate and encourage our people to see more films from ASEAN countries. There will be a Delegates Conference starting from tomorrow till the 10th. Among the items for discussion will be: (a) development of film industry in ASEAN countries and (b) ways and means to encourage and develop the local film industry in ASEAN countries. These are not easy matters to get quick and unanimous agreement on. Nevertheless, a start must be made, and with the ASEAN spirit of cooperation and understanding, some agreement will undoubtedly be reached.


The film industry in the ASEAN countries can and should contribute towards spreading the concept and spirit of regional cooperation. We believe that only through cooperation can we accelerate the economic and social development of our respective countries, and ensure peace and prosperity in the region. The well-being of the peoples of our countries depends so much on this and it is important that we should do all we can to strengthen further the ASEAN organisation.

Ladies and Gentlemen,

6. I am sure you would prefer to meet and talk to the beautiful and handsome film stars and well-known producers and directors

present in this room than hear a long speech from me. Regional cooperation can be better achieved by personal contact between the peoples in the region, especially when they are beautiful film stars and ladies. I would not deprive you of that opportunity. Fortified by sufficient spirit, I am sure that regional cooperation by personal contact should not be very difficult for you.

I have now great pleasure in declaring open the Third ASEAN Film Festival.



No. 211
No. 211



No. Siri	567
No. Penerimaan	204/80